

Langkawi kekal bebas cukai: PM

LANGKAWI, Isnin — Kerajaan akan mengekalkan taraf Langkawi sebagai pelabuhan bebas cukai berikutan tindakan peniaga di sini menurunkan sedikit harga barang akhir-akhir ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun sebelum ini ada cadangan untuk menarik balik taraf itu, disebabkan tindakan peniaga menurunkan harga barang, kerajaan membatalkan cadangan itu.

Bercakap dalam sidang akhbar di sini, hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan menjadikan Langkawi sebagai pulau bebas cukai supaya barangan dapat dijual dengan lebih murah dan mampu menarik pelancong ke pulau ini.

"Kita tidak mahu hanya peniaga saja yang mendapat faedah daripada pengecualian cukai, sedangkan pembeli tidak menerima faedah," katanya.

Sambil menyatakan kesal

kerana masih ada sesetengah peniaga di sini mengambil untung terlalu tinggi, Perdana Menteri berharap perbuatan itu dihentikan kerana menurutnya, jika peniaga masih menaikkan harga, tidak ada gunanya pulau ini diberi taraf bebas cukai.

Januari lalu, Datuk Seri Dr Mahathir pernah menegur sikap sesetengah peniaga di pulau itu kerana mengenakan harga barangan yang terlalu tinggi.

Perdana Menteri berada di sini sehari suntuk untuk meninjau kemajuan pembangunan pulau itu. Antara yang dilawati ialah projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat, Taman CHOGM di Kuah, gerai peniaga kecil dan tapak beberapa projek hotel serta chalet.

Ditanya mengenai kemajuan pembangunan Langkawi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan pembangunan pesat di pulau ini sekarang.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan mengambil perhatian berat terhadap beberapa masalah yang perlu diatasi segera seperti bekalan elektrik dan talian telefon selaras kepesatan pembangunan pulau peranginan itu.

"Saya juga berpuas hati dengan kemajuan projek pembesaran bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat yang dijangka siap sebulan lebih awal dari jadual," katanya.

Menurutnya, lapangan terbang itu perlu disiapkan segera bagi membolehkannya digunakan untuk pertunjukan udara dan marin antarabangsa November ini.

Sambil menyatakan keyakinannya bahawa Langkawi akan menjadi pusat pelancongan terkemuka menjelang tahun 2020, Perdana Menteri menyatakan puas hati terhadap kemajuan beberapa projek hotel yang sedang dan sudah dibangunkan mengikut jadual.